



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 12 FEBRUARI 2021

1. DAGING KERBAU RM4.2 JUTA DISITA
2. LEMBU BERKELIARAN DISITA
3. DAGING KERBAU RAGU RM4.3 J DIRAMPAS
4. KASIHAN HITAM DITINGGAL TUAN
5. TAKUT BERTUKAR KASIH LELAKI BERI MAKAN KEPADA ANJING, KUCING SEBAGAI RUTIN SEJAK PKP
6. RAHSIA Lori TAK DIPASANG LAMPU

DISEDIAKAN OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12.02.2021	Kosmo!	Negara!	2



SEORANG pengawas kuasa Maqis memeriksa daging kerbau bernalil RM4.2 juta di NBCT Seberang Perai.



SEBANYAK 17,370 kotak berisi daging kerbau sejuk beku seberat 335,914 kilogram disita Maqis ekoran penggunaan logo halal tidak diiktiraf sejak Isnin lalu.

336 tan barangan sejuk beku dari India dikesan guna logo halal tak diiktiraf

## Daging kerbau RM4.2 juta disita

Oleh SYALMIZI HAMID

**SEBERANG PERAI** – Jabatan Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menyata hampir 336 tan daging kerbau sejuk beku bernalil lebih RM4.2 juta di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini sejak Isnin lalu.

Produk dari India tersebut dirampas ketika cuba dibawa masuk ke NBCT melalui 12 buah kontena dalam tempoh tiga sehingga Rabu lalu kerana kesalan membabitkan penggunaan logo halal yang tidak diiktiraf.

Difahamkan, rampasan itu melibatkan beberapa pengeksport berlainan dari negara itu berdasarkan borang kastam berbeza yang diantaranya kepada dua pengimpor di negara ini.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan yang dijalankan pihaknya menemui 17,370 kotak berisi daging kerbau sejuk beku menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa.

"Berat keseluruhan daging itu ialah 335,914 kilogram yang diangarkan bernalil RM4,277,912.

Kita merampas kesemu daging kerbau tersebut untuk tindakan

selanjutnya," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Menurutnya, kesalahan yang dibuat pengeksport tersebut tanpa mengambil kira kepentingan menggunakan logo halal yang sepatutnya memberi masalah kepada penerima di negara ini.

"Adakalanya pengimport tidak tahu bagaimana produk atau pembungkusan produk yang akan diterima oleh mereka biar pun membuat pesanan produk yang betul."

"Maqis mempunyai maklumat berhubung status pengeksport (terbabit) dari senarai

pengeksport sah, loji dan alamat penyembilan yang diiktiraf daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia" ujarnya.

Kejadian ini mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Mengulas lanjut, Zarina berkata, penggunaan logo yang mengejirukan akan disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarrantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mana-mana orang yang memberikan maklumat yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran

pertanian adalah menjadi suatu kesalahan.

Jelasnya, jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dihenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarma maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa melakukan pemeriksaan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang dilmport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar, serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12.02.2021	Kosmo!	Negara!	14

14 | Negara!

## Lembu berkeliaran disita

**KUALA SELANGOR** – Dua pemilik lembu terpaksa berputus mata apabila bukan sahaja dikompaun RM1,000, malah kerugian ribuan ringgit apabila haiwan ternakan mereka disita pihak berkuala kelmarin.

Dua peternak masing-masing berusia 36 tahun itu dikenakan tindakan itu selepas didapati melepaskan dua ekor lembu berkeliaran tanpa jagam pada pukul 10 pagi hingga mendatangkan kesultanan kepada orang ramai.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Jefriee Abdul Manaf berkata, tindakan itu diambil selepas pihaknya mengadakan operasi di sekitar Bestari Jaya, Jeram dan Ijok di sini.

“Selain lembu, MDKS turut menyita lapan ekor kambing dalam operasi sama susulan maklumat dan pemantauan

Selain lembu, MDKS turut menyita lapan ekor kambing selepas menerima maklumat dan pemantauan.”

**JEFRIEE ABDUL MANAF**

pihaknya mengenai halwan ternakan yang memasuki lahan awam dan perumahan.

“Dua peternak itu dikompaun mengikut Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 selepas didapati gagal mengawal haiwan ternakan yang berkeliaran di Jalan Raja Abdul Lah di sini,” katanya.

Tambahnya, objektif utama operasi itu bertujuan mencegah haiwan berkeliaran di kawasan awam yang boleh mengganggu dan membahayakan pengguna jalan raya.

Memurah Jefriee, operasi itu akan dilakukan secara berterusan bagi memastikan peternak supaya lebih bertanggungjawab.



**ANGGOTA MDKS** menangkap lembu yang diblarkan berkeliaran oleh pemiliknya di Kuala Selangor kelmarin.

2  
lokal

Jumaat 12.02.2021



ANGGOTA penguat kuasa Maqis memeriksa daging kerbau sejuk beku yang dirampas.

GUNA LOGO HALAL TAK DIKTIRAF

## DAGING KERBAU RAGU RM4.3J DIRAMPAS

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

Butterworth

**L**ebih 355 tan daging kerbau sejuk beku dari India bernilai hampir RM4.3 juta dirampas selepas didapati menggunakan logo halal mengelirukan. Rampasan dibuat

Jabatan Perkhidmatan Kuaranian dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang selepas melakukan pemeriksaan rutin di Terminal Kontena Utara Butterworth (NBCT) di sini, pada Isnin lalu hingga jam 12 tengah hari kelmarin.

Pengarah Maqis negeri Zarina Ramli

  
Semua 12 kontena itu membawa daging kerbau sejuk beku seberat 335,914kg dan barang dirampas untuk siasatan"

Zarina

berkata, pihaknya mendapat terdapat 12 kontena membawa daging sejuk beku itu masuk ke pelabuhan, tetapi pemeriksaan mendapati ia menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf pihak berkuasa negara ini. "Semua 12 kontena itu membawa daging kerbau sejuk beku

seberat 335,914 kilogram (kg) dan barang dirampas untuk siasatan lanjut," katanya.  
Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuaranian dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000

atau dipenjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana orang memberikan maklumat palsu, tidak tepat atau mengelirukan dalam pengimportan keluaran pertanian," katanya.

DAGING kerbau sejuk beku yang dilerakkam di dalam 12 kontena dirampas di NBCT.



## Kasihan Hitam ditinggal tuan

**Kuala Lumpur:** Sejak sebulan ditinggalkan pemiliknya, seekor kucing kim memungas kasih dengan tiga pemuda yang menetap di Taman Desa Kenangan, Kuala Nerang Kedah.

Kisah kucing diberi nama Hitam itu mendapat perhatian warganet selepas pemuda berkenaan, Mohamad Hazrin Muhamad Izham, 26, berkongsi video di TikTok.

Menerusi kapsyen rakaman video berdurasi 31 saat itu, Mohamad Hazrin meluahkan rasa kasihan kepada Hitam kerana ditinggalkan pemiliknya sejak sebulan lalu kerana sudah berpindah.

Bercerita lanjut, Mohamad Hazrin yang bekerja sebagai pembaca jangka berata, dia tahu kewujudan Hitam sejak menyewa di ru-



Saya dan rakan serumah tidak bercadang melepaskannya kerana kami sayangkannya"

Mohamad Hazrin

mah berkenaan bersama dua lagi rakan pada 2019.

"Sebelum ini, saya dan rakan serumah melihat Hitam berkeliaran di halaman rumah ketika pemiliknya iaitu jiran kami masih ada.

"Namun, jiran kami sudah berpindah bulan lalu jadi sejak itu, Hitam terbiar tanpa pemilik.

"Kedua-dua itu membuatkan kami simpati dengan nasibnya dan mengambil

keputusan memeliharanya," katanya.

Menurut Mohamad Hazrin, niatnya memuat naik video Hitam sekadar menceritakan perihal haiwan berkenaan dengan pengikut di TikTok.

Tak sangka pula video itu meraih tontonan yang banyak, tetapi ia mungkin kerana ramai pencinta kucing simpati dengan nasibnya.

"Setakat ini, tiada lagi yang menyatakan minat untuk memelihara Hitam, tetapi ramai yang mahu menyumbang wang bagi membeli keperluannya.

"Jika ada yang berminat sekali pun, saya dan rakan serumah tidak bercadang melepaskannya kerana kami sayangkannya dan pasti sunyi jika Hitam tiada," katanya.

Kesian kucing tunggu tuan dia balik..padahal tuan dia di sebulan pindah



MOHAMAD Hazrin membela Hitam selepas ditinggalkan pemiliknya yang berpindah.

Oleh Redzuan Muhamar  
redzuan.muhamar@hme-tro.com.my

Kuala Lumpur

**S**aya jadi aktiviti rutin berikan makan kepada kucing dan anjing atas rasa tanggungjawab memandangkan haiwan itu juga makhluk Allah yang perlu dibantu," kata pencari dan penjual barang kitar semula, Khairul Anua.

Khairul Anua, 44, memberi reaksi itu ketika diminta berkongsi kisahnya yang sering memberi makanan kepada haiwan jalanan terutama anjing dan kucing.

Menurut Khairul, aktiviti itu semakin aktif dilakukan sejak awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

Katanya, keinginan memberi makan itu tercesset selepas melihat seekor anjing menyelongkar tong sampah

berhampiran pasar raya di Kota Bharu, Kelantan.

"Ketika itu, saya lihat anjing itu berkeliaran di tempat pembuangan sampah dan dapat rasakan anjing itu lapar.

"Kebetulan, banyak kedai makan tutup jadi saya beli makanan untuknya.

"Itu kali pertama saya mendekati anjing dan jururnya memang takut kerana ada pengalaman dikejar, tetapi kerana rasa kasihan saya ketepikannya dan tidak sanggup melihatnya kelaparan," katanya.

Sejak itu, Khairul meneruskan rutin memberi makan kepada anjing dan kucing jalanan.

Menurut Khairul, agihkan makanan untuk kucing jalanan dilakukan jam 7.30 pagi hingga 8 pagi setiap tiga hari sekali di Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan.

Katanya, bekas isian semula disediakan bagi me-

## Takut bertukar kasih

Lelaki beri makan kepada anjing, kucing sebagai rutin sejak PKP



Khairul memberi makanan kepada anjing jalanan yang diremunta.



Niat kena betul iaitu jangan buat untuk menunjuk atau harapkan balasan  
Khairul Anua

mudahkan orang ramai berada di kawasan berkenaan membantu menyumbang makanan.

"Manakala, agihkan makanan untuk anjing dilakukan jam 5 petang setiap dua hari sekali di tempat lama iaitu pasar raya dekat Kota Bharu.

"Alhamdulillah, rezeki untuk anjing tidak pernah putus kerana ramai yang memberi sumbangan, tetapi untuk kucing sukar hingga saya terpaksa meminta sumbangan orang ramai menerusi Facebook (Fb)," katanya.

Khairul menyifatkan rutin itu sebagai terapi mendekatkan lagi dirinya dengan haiwan berkenaan.

Khairul berkata, dia tidak dicederakan anjing kerana haiwan berkenaan mengenalinya kerana kebanyakannya diberi makan sejak kecil.

"Setakat ini, anjing tidak pernah gigit saya, sebaliknya haiwan itu segera berlari ke arah saya sebaik mendengar bunyi enjin motosikal."


"Kadangkala, sedih apabila tidak dapat bertemu dan beri makan terutama pada musim hujan, tetapi saya percaya Allah membantu."

"Terima kasih kepada semua yang membantu selama ini walaupun tidak mengenali saya. Bagi yang berminat melakukan rutin sama, terus mulakan di kawasan perumahan atau pa-

sar berhampiran."

"Cuma, niat kena betul iaitu jangan buat untuk menunjuk atau mengharapkan balasan sebaliknya buat kerana rasa ibsan terhadap se-samakhluk," katanya.

Orang ramai berhasrat membantu boleh menghubunginya di talian 018-905 1519.



BEKAS makanan kucing isian semula disediakan bagi memudahkan orang awam menyumbang.



PGA merampas lori dan lembu yang diseludup dari Thailand di Kampung Kok Bedullah.

## Rahsia lori tak dipasang lampu

**Tumpat:** Sebuah lori yang dipandu dalam keadaan tidak dipasang lampu mendatangkan kecurigaan sebelum ditahan di Kampung Kok Bedullah di sini, untuk pemeriksaan pada tengah malam Selasa lalu.

Hasil pemeriksaan itu, pihak berkuasa menemukan enam lembu dipercayai diseludup dari negara jiran.

Pegawai Pemerintah Battalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) Superintendant Nor Azizan Yusof berkata, anggotanya membuat rondaan di sekitar Kampung Bunohan sempena penugasan Op Benteng jam 12.30 tengah malam.

"Anggota kemudian tersempak dengan lori dipandu dalam keadaan lampu bertutup, sekali gus menimbulkan curiga dan cuba menahannya.

"Bagaimanapun, pemandunya memecut laju ke Kampung Kok Bedullah sebelum memberhentikan kenderaan di tepi jalan dan milarikan diri meninggalkan lori itu dalam keadaan enjin masih hidup," katanya dihubungi di sini, semalam.

Nor Azizan berkata, anggotanya cuba mengesan petunjuk lori berkenaan namun gagal dan pemeriksaan dalam kenderaan itu menemui enam lembu.